

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
LAWATAN KERJA KE
UNIVERSITAS BRAWIJAYA, INDONESIA

25 SEPTEMBER 2025 | KHAMIS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHI RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Widodo

Rektor, Universitas Brawijaya

Profesor, para pegawai kanan universiti, rakan-rakan akademik, para penyelidik, serta hadirin yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
dan Salam Sejahtera.**

Air mengalir jernih di kali,
Tempat nelayan mencari rezeki;
Terima kasih menyambut kami,
Tanda mesra dua institusi.

1. Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam majlis yang penuh bermakna ini, iaitu **Lawatan Kerja dan Perbincangan Strategik** antara UiTM Cawangan Selangor dan Universitas Brawijaya, Indonesia.
2. Bagi pihak seluruh warga UiTM Cawangan Selangor, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sambutan mesra serta kesudian pihak Universitas Brawijaya menerima kunjungan kami.
3. Sesungguhnya, lawatan ini merupakan detik penting dalam mengukuhkan jalinan persahabatan serta kerjasama strategik antara dua universiti.

4. Untuk makluman semua, tujuan utama perbincangan strategik kerjasama pada hari ini adalah untuk memberi penekanan kepada tiga bidang utama yang menjadi tonggak pembangunan pendidikan tinggi masa kini, iaitu **Penyelidikan, Inisiatif Ranking dan Akademik.**
5. UiTM Cawangan Selangor memberi penekanan kepada kerjasama penyelidikan berimpak tinggi bersama rakan strategik antarabangsa.
6. Kami percaya, melalui matching grant dan kolaborasi dibiayai, kedua-dua institusi dapat menggabungkan kepakaran, memperkukuh penerbitan serta menghasilkan inovasi bernilai tambah untuk industri, komuniti dan negara.

7. Seiring aspirasi global, kerjasama strategik ini dapat memperkuat penyelidikan, penerbitan dan bidang pengajian, sekali gus meningkatkan kedudukan universiti di peringkat serantau dan antarabangsa.
8. Saya percaya pendidikan berkualiti menuntut kita sentiasa bergerak dan membina kapasiti bersama.
9. Melalui kerjasama ini, pensyarah dan pelajar dapat saling bertukar pengalaman, membangunkan kurikulum bersama dan berkongsi kepakaran, sekali gus meningkatkan keupayaan akademik serta memperkayakan pengalaman di kedua-dua universiti.
10. Justeru, dengan semangat kebersamaan, UiTM Cawangan Selangor dan Universitas Brawijaya mampu melakar kejayaan besar dalam ketiga-tiga bidang utama ini.

11. Kerjasama yang kita rintis bukan hanya membina rangkaian akademik, tetapi menjadi jambatan ilmu yang memberi manfaat kepada masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara.
12. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian pihak Universitas Brawijaya menerima kunjungan kami dengan penuh mesra.
13. Semoga lawatan dan perbincangan strategik ini menjadi permulaan kepada kerjasama jangka panjang yang lebih erat, bermakna dan berimpak tinggi.

Burung merpati terbang berdua,
Singgah sebentar di dahan nan tinggi;
Pertemuan ini amat bermakna,
Menjadi tanda ukhuwah sejati.

Sekian,

**Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**

Terima kasih.